




“BIJAK MENGURUS KEWANGAN PERIBADI”.1

<p>1  الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: قَالَ أَجْعَلْنِي عَلَى خَزَائِنِ الْأَرْضِ إِنِّي حَفِيظٌ عَلِيمٌ</p>	2
<p>أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ</p>	3
<p>. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.</p>	4
<p>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</p> <p>Marilah kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah SWT dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta memperoleh keselamatan di dunia dan di akhirat.</p>	5
<p>Pada hari ini, khatib akan menyampaikan khutbah yang bertajuk “BIJAK MENGURUS KEWANGAN PERIBADI”.</p> <p>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</p>	6
<p>Harta merupakan amanah daripada Allah SWT untuk dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya. Ia bukanlah untuk disia-siakan sehingga terjadi pembaziran, salah guna kepada perkara yang haram, rasuah dan sebagainya. Oleh sebab itu pentingnya setiap dari kita untuk mempelajari dan memahami pengurusan kewangan agar kita dapat menguruskan harta dan wang ringgit dengan berhemah dan bijaksana.</p>	7
<p>Ilmu pengurusan kewangan adalah merangkumi perancangan perbelanjaan, membuat simpanan atau menabung, mengambil pembiayaan untuk keperluan kehidupan, mengambil perlindungan takaful, berzakat, merancang persaraan, bersedekah, pembahagian hak-hak waris termasuklah harta anak-anak yatim dan sebagainya.</p> <p>Hadirin sekalian,</p>	8

¹ Yusuf : 55.



<p>Dalam ilmu pengurusan kewangan, pakar-pakar kewangan telah menyatakan bahawa kita hendaklah memiliki beberapa kemahiran untuk membuat keputusan yang betul dalam kehidupan. Antaranya hendaklah mempunyai kesedaran terhadap pentingnya mengurus kewangan dengan berhemah dan bijaksana, meningkatkan ilmu pengetahuan tentang pembiayaan dan risikonya, berwaspada dengan sindiket penipuan kewangan dan mempunyai keyakinan dan sikap yang betul untuk mengurus kewangan dengan baik.</p>	9
<p>Sebagai manusia kita tidak dapat lari dari mengurus dan menghadapi isu-isu yang berkaitan kewangan. Oleh itu, pengurusan kewangan yang teratur dan berperancangan akan membantu mensejahterakan kehidupan kita pada masa hadapan. Sebagai permulaan, antara langkah-langkah yang wajar kita lakukan adalah:</p> <p>Pertama: Kita hendaklah menyusun semula kewangan peribadi dengan memperbaiki perbelanjaan dan menentukan gaya hidup kita. Jika ia melebihi dari kemampuan kita, maka kita perlu mengurangkan perbelanjaan yang tidak penting. Kita perlu mengimbangi antara keperluan dan keinginan bak kata pepatah, “ukur baju dibadan sendiri”.</p>	10
<p>Lantaran itu Islam menganjurkan sikap bersederhana dan berhemah dalam mengurus perbelanjaan.</p> <p>Hadis daripada Abu Darda Radhiallahu Anhu bahawa Nabi SAW bersabda:</p> <p style="text-align: center;">مَنْ فَقِهَ الرَّجُلِ رِفْقَهُ فِي مَعِيشَتِهِ</p> <p>“<i>Daripada kebijaksanaan seorang lelaki ialah sikapnya yang berhemah dalam urusan kehidupan</i>”.</p> <p style="text-align: right;">(Riwayat Ahmad).</p>	11
<p>Kedua: kita hendaklah mengamalkan budaya menyimpan atau menabung kerana ia adalah persediaan sekiranya berlaku hal-hal kecemasan dan diluar jangka.</p> <p>Amalan menyimpan atau menabung juga, walaupun dengan jumlah yang sedikit tetapi berterusan adalah lebih baik daripada tidak menabung ibarat kata pepatah melayu “Sikit-sikit lama-lama jadi bukit”, dengan adanya wang simpanan juga membolehkan kita meningkatkan ibadah kepada Allah SWT dengan menginfakkan harta yang kita miliki lebih-lebih lagi untuk menyempurnakan rukun Islam yang kelima iaitu menunaikan fardu haji.</p>	12



<p>Ketiga: Elakkan diri dari mengambil pembiayaan yang tidak perlu dan membazir lebih-lebih lagi berhutang bagi perkara-perkara yang tidak penting.</p>	13
<p>Firman Allah SWT dalam surah al-Furqan ayat 67:</p> <p>قَوَامًا ذَٰلِكَ بَيْنَ وَكَانَ يَقْتُرُوا وَلَمْ يُسْرِفُوا لَمْ أَنْفَقُوا إِذَا وَالَّذِينَ</p>	14
<p><i>"Dan juga mereka (yang diredhai Allah itu ialah) yang apabila membelanjakan hartanya, tiadalah melampaui batas dan tiada bakhil kedekut; dan (sebaliknya) perbelanjaan mereka adalah betul sederhana di antara kedua-dua cara (boros dan bakhil) itu."</i></p>	15
<p>Jika perlu untuk mengambil pembiayaan atau berhutang, berikhtiarlah untuk melunaskan segala pembiayaan atau hutang itu dalam tempoh yang ditentukan dan tidak menambahkan bebanan kewangan dengan hutang baru yang tidak mendesak.</p>	16
<p>Hadis daripada Abu Hurairah Radhiallahu Anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:</p> <p>مَنْ أَخَذَ أَمْوَالَ النَّاسِ يُرِيدُ أَدَاءَهَا أَدَّى اللَّهُ عَنْهُ، وَمَنْ أَخَذَ يُرِيدُ إِتْلَافَهَا أَتْلَفَهُ اللَّهُ</p> <p><i>"Sesiapa yang berhutang dengan manusia dengan berniat membayarnya, Allah memudahkannya, dan sesiapa yang berhutang dengan niat enggan membayarnya, Allah Taala akan membinasakannya".</i></p> <p>(Riwayat al-Bukhari).</p>	17



<p>Muslimin yang dirahmati Allah,</p> <p>Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita sama-sama menghayati intipati daripada khutbah yang dibacakan seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none">1. Umat Islam hendaklah yakin bahawa setiap harta yang dikurniakan akan dipersoalkan di hadapan Allah.2. Umat Islam hendaklah cerdik dan bijaksana mengurus harta yang telah diamanahkan kepadanya.3. Umat Islam wajib berurusan, menabung dan menyimpan di institusi-institusi kewangan Islam yang patuh syariah.4. Umat Islam hendaklah mensyukuri nikmat harta, rezeki dan sumber pendapatan yang dikurniakan dengan menginfakkan sebahagiannya ke jalan Allah.	18
<p style="text-align: center;">أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ</p> <p style="text-align: center;">قَالَ عِيسَى ابْنُ مَرْيَمَ اللَّهُمَّ رَبَّنَا أَنْزِلْ عَلَيْنَا مَائِدَةً مِنَ السَّمَاءِ تَكُونُ لَنَا عِيدًا لِأَوَّلِنَا وَآخِرِنَا وَآيَةً مِّنكَ وَأَرْزُقْنَا وَأَنْتَ خَيْرُ الرَّازِقِينَ</p>	19
<p><i>"Isa Ibni Maryam (pun berdoalah ke hadrat Allah dengan) berkata: Ya Allah, Tuhan kami! Turunkanlah kiranya kepada kami satu hidangan dari langit, untuk menjadi hari raya bagi kami, iaitu bagi kami yang ada hari ini dan bagi orang-orang kami yang datang kemudian, dan sebagai satu tanda (mukjizat) daripadamu (yang menunjukkan kebesaran dan kekuasaan-Mu); dan kurniakanlah rezeki kepada kami, kerana Engkau jualah sebaik-baik pemberi rezeki."</i></p>	20
<p>بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.</p>	21
<p>أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.</p>	22



KHUTBAH KEDUA

1	الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
2	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
3	Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah SWT, Khatib sekali lagi berpesan supaya kita sentiasa bertakwa kepada Allah SWT dan bersungguh-sungguh melakukan amal soleh serta berakhlak dengan akhlak Rasulullah SAW. Seterusnya marilah kita sentiasa memperbanyakkan selawat dan salam ke atas Nabi kita Muhammad SAW. Firman Allah SWT:
4	إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.
5	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.
6	اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ اعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ وَدَمَّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. وَانصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.
7	اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَانِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْتَحَفِظَ بَعِينَ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحَفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ سَلَاعُورِ،
8	سُلْطَانَ شَرْفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهُدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصَّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيَّ عَهْدِ سَلَاعُورِ، تغكو أمير شاه إنبالسُلْطَانَ شَرْفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج



<p>فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلِعْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحَيْنِ لِلْمَوْظَفَيْنِ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.</p>	9
<p>Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha Berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan rahmat dan keberkatan kepada negeri ini yang terus sejahtera dan maju, serta rakyatnya bersatu padu, dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini.</p>	10
<p>Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman dan pegangan kami kepada Ahli Sunnah Wal-Jamaah, berikanlah kekuatan kepada kami untuk istiqamah menunaikan solat fardu secara berjemaah, merasai kemanisan menunaikannya sehingga ke akhir hayat kami.</p>	11
<p>Peliharalah kami daripada ajaran yang terkeluar daripada Islam seperti Qadyani dan ajaran-ajaran yang difatwakan sesat seperti Hizbut Tahrir. Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim, satukanlah hati-hati kami, jadikan setiap perbezaan pandangan dan pendapat sebagai rahmah, tiada apa yang dapat menghalang kami untuk menautkan persaudaraan sesama saudara seagama.</p>	12
<p>Jadikan rumah tangga kami rumah tangga yang beroleh sakinah, mawaddah dan rahmah. Kurniakanlah kami rezeki yang luas lagi barakah, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat dan lindungilah kami daripada bala bencana. Terimalah zakat yang kami tunaikan melalui Lembaga Zakat Selangor, harta yang kami wakafkan dan infak melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor.</p>	13
<p>رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.</p>	14
<p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يُعْطِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿١٠١﴾</p>	15
<p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>	16